

16/11/2001

PBS serah surat sertai BN kepada Dr Mahathir

PUTRAJAYA, Khamis - Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini menyerahkan surat kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memohon menyertai semula gabungan itu tanpa sebarang syarat.

Serentak itu, Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang berharap semua parti komponen menerima permohonan berkenaan, melahirkan kekesalan kerana keluar daripada BN menjelang pilihan raya umum 1990.

"Kami menyatakan kekesalan terhadap apa yang berlaku pada 1990. Saya berharap BN akan memaafkan tindakan PBS dan saya terhadap apa yang berlaku itu.

"Malah, kami tidak meletakkan sebarang syarat kerana permohonan ini dibuat atas semangat untuk sama-sama terbabit membangunkan negara.

"Inilah yang ditekankan Perdana Menteri supaya semua pihak bertanggungjawab untuk membawa perpaduan dan pembangunan selaras matlamat Wawasan 2020," katanya selepas menyerahkan surat permohonan itu di pejabat Perdana Menteri, di sini hari ini.

Sidang akhbar itu turut dihadiri oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Mohd Johari Baharom.

Pertemuan antara Pairin dan Dr Mahathir kira-kira 40 minit itu turut dihadiri Timbalan Presiden PBS, Dr Maximus Ongkili.

Sebelum pertemuan itu, Pairin bersama 14 ahli Majlis Tertinggi (MT) PBS mengunjungi Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Semalam, Dr Mahathir berkata BN yang kini mempunyai 13 anggota, perlu menimbang latar belakang dan keikhlasan PBS dengan teliti terlebih dahulu sebelum membuat keputusan.

MT PBS pada mesyuarat luar biasanya kelmarin membuat keputusan menyertai semula BN selepas 11 tahun sebagai pembangkang setelah persidangan tahunannya memberi sokongan terhadap usaha itu.

PBS pernah memerintah Sabah dalam tempoh 1985 hingga 1994 dan menyertai BN selepas pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada 1986, tetapi memutuskan keluar daripada pakatan itu beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990.

Pada pilihan raya DUN pada Mac 1999, PBS menang 17 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan, tetapi lapan wakil rakyatnya kemudian mengambil keputusan menyertai parti komponen BN.

Ditanya mengenai hasil pertemuan itu, Pairin berkata ia berjalan dalam suasana mesra, malah Dr Mahathir menjelaskan semua rakyat perlu bekerjasama memajukan negara.

Katanya, permohonan PBS itu akan diputuskan dalam mesyuarat BN dan beliau berharap semua parti komponen akan menyokong permohonan berkenaan.

(END)